

UUM TERIMA DUA ANUGERAH DI SINGAPURA ESOK

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 21 Julai 2011 20:18

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

21 JULAI 2011/19 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Zamarizul Salleh

UUM TERIMA DUA ANUGERAH DI SINGAPURA ESOK

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menerima dua anugerah serentak di Majlis Penganugerahan Ke Dua Asia's Best Business School (B-School) di Suntec City, Singapura esok.

Naib Canselor UUM Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak akan menerima anugerah bagi sumbangan cemerlang beliau dalam bidang pendidikan iaitu 'Award For Outstanding Contribution To Education' dan Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYA GSB), Prof Dr Noor Azizi Ismail pula akan menerima anugerah inovasi kepimpinan atau 'Innovation Leadership Award' pada petang esok.

Penganugerahan yang turut membabitkan 29 buah negara di Singapura ini dianjurkan oleh CMO Asia Council iaitu Rakan Strategik dan Kumpulan Industri sebagai rakan kongsi dalam penyelidikan.

Pertubuhan yang bersifat maya ini mengenal pasti perbagai pihak dari setiap negara yang boleh memberi input dalam bentuk kuantitatif.

Pemilihan bagi penganugerahan ini pula dilakukan oleh pelbagai tokoh dan pihak lain bagi mendapatkan pandangan bersifat kualitatif untuk memilih pemenang dan Naib Canselor UUM dipilih kerana sumbangan berkesan beliau kepada bidang pendidikan, pengurusan dan kolaborasi antarabangsa serta kegigihan dalam meningkatkan kualiti pendidikan pengurusan dan perniagaan dirantau ini bagi anugerah tahun 2010/2011 ini.

Menurut Dr Mohamed Mustafa, badan bebas yang memberi pengiktirafan ini mendapat data-data melalui sumber internet, laman sosial, laporan media, pencapaian dalam bidang akademik termasuk visi dan misi yang dirancang oleh organisasi.

Manakala juri pula terdiri daripada Ketua Setiausaha Kerajaan India, golongan profesional, ahli perniagaan dan tenaga akademik.